Pelbagai Serangan

Cara bermain

- Murid dibahagikan kepada dua kumpulan (dua pemain bertahan dan tiga pemain penyerang).
- Pemain A menghantar bola kepada pemain B di kiri gelanggang (buka ruang).
- Pemain B membuat hantaran bola kepada pemain C di kanan gelanggang setelah pemain A memberikan isyarat meminta bola.
- Pemain C melakukan hantaran bola kepada pemain A yang berada di sebelah kiri atau terus menjaring (serangan belakang zon).

Syarat permainan

- Kawasan permainan separuh gelanggang.
- Kumpulan menyerang perlu membuat lima kali hantaran sahaja sebelum menjaringkan gol.
- Sekiranya lebih daripada tiga kali hantaran, pasukan bertahan akan mendapat satu jaringan.
- Gunakan pelbagai jenis hantaran.
- Kumpulan yang memperoleh jaringan terbanyak akan dikira pemenang.

Info

Tiga strategi menyerang di dalam bola keranjang:

1. Buka ruang
2. Penjaring terbaik (*shooting guard*)
3. Serangan belakang zon

Variasi

- Saiz gelanggang
- Bilangan pemain mengikut kesesuaian
- Masa permainan

LIVEWORKSHEETS

Kebal Pertahanan

Cara bermain

- Murid dibahagikan kepada dua kumpulan (dua pemain pertahanan, dua pemain tengah dan seorang pemain akan menjaga bakul).
- Kumpulan menyerang seramai tiga orang (dua pemain tengah dan seorang pemain hadapan).
- Murid yang memegang bakul hanya boleh menerima bola dengan bakul di atas kepala dan semasa berada dalam gelung rotan.
- Pemain cuba bertahan untuk mengawal pemain kumpulan penyerang **satu kawal satu**.
- Kumpulan bertahan akan **memberi tekanan** terhadap pemain yang membawa bola.
- Kumpulan bertahan mengikut **kawalan zon** masing-masing.
- Gunakan strategi bertahan yang sesuai mengikut situasi permainan.

Syarat permainan

- Kawasan permainan separuh gelanggang.
- Jika kumpulan bertahan dapat merampas bola, kumpulan bertahan akan mendapat satu jaringan.
- Jaringan akan dikira sekiranya kumpulan menyerang berjaya membuat jaringan ke dalam bakul.
- Kumpulan yang memperoleh jaringan terbanyak dalam masa yang ditetapkan dikira sebagai pemenang.

Info

Terdapat tiga strategi bertahan di dalam bola keranjang, iaitu:

1. Satu kawal satu (*man to man marking*)
2. Kawalan zon (*zone defence*)
3. Memberikan tekanan (*pressuring*)

Variasi

- Saiz gelanggang
- Bilangan pemain
- Masa permainan

LIVEWORKSHEETS

TULIS JAWAPAN YANG BETUL DI DALAM KOTAK YANG DISEDIAKAN DENGAN BETUL

1) APAKAH TIGA STRATEGI MENYERANG DI DALAM PERMAINAN BOLA KERANJANG?

2) TULISKAN TIGA (3) STRATEGI BERTAHAN DALAM PERMAINAN BOLA KERANJANG.

LIVEWORKSHEETS